

**ESTETIK LAGU-LAGU MELAYU POPULAR (ELMP): SATU ANALISIS
TERHADAP SENI KATA LAGU**
*[THE AESTHETIC OF MALAY POPULAR SONGS (ELMP) AN
ANALYSIS ON THE LYRICS]*

Mohd Azam Sulong & Zaharul Lailiddin Saidon*

Fakulti Muzik dan Seni Persembahan

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

*azamdungun@fmsp.upsi.edu.my

Mohd Rosli Saludin

Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Universiti Pendidikan Sultan Idris,

Tanjong Malim, Perak, Malaysia

ABSTRAK

Kajian yang dijalankan ini adalah berkaitan dengan Estetik Lagu Melayu Popular (ELMP) melalui penganalisan terhadap seni kata lagu. Dalam kajian ini hanya memberi fokus kepada lagu-lagu Melayu popular di Malaysia. Lagu Melayu Popular dalam konteks kajian ini adalah lagu-lagu yang dicipta oleh karyawan tempatan, dipilih, dirakam oleh penyanyi popular dan diterbitkan oleh syarikat rakaman, diedar, dijual dan disiarkan bagi tujuan komersial. Tujuan kajian ini untuk mendapat jawapan mengenai aspek-aspek gaya bahasa dalam seni kata lagu lagu-lagu Melayu popular. 10 sampel kajian daripada 50 buah lagu yang dipilih adalah lagu-lagu Melayu popular yang memenangi anugerah-anugerah berprestij di negara anjuran badan penyiaran dan industri muzik iaitu (1) Anugerah Industri

Muzik Malaysia (AIM) dan Anugerah Juara Lagu (AJL). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk menganalisis data mengenai seni kata lagu. Kaedah temu bual juga dilakukan terhadap pengkarya-pengkarya yang terlibat dalam penciptaan lagu dan seni kata lagu yang dipilih. Untuk mendapat kesahan dan kebolehpercayaan data, kaedah triangulasi yang diubahsuaikan daripada Denzin dan Lincoln (2005) digunakan. Dapatan ditriangulasikan melalui analisis seni kata dan temu bual dengan pengkarya-pengkarya serta dokumen-dokumen sokongan yang lain. Kerangka teori yang mendukung kajian ini adalah teori Estetik sebagai teori umum dan dihalusi dengan teori Stilistik. Dapatan kajian mendapati unsur bunyi yang terhasil dari seni kata mempunyai estetika yang tinggi. Selain daripada itu gaya pengulangan seni kata dan melodi juga mampu menghasilkan bunyi yang menarik.

Kata Kunci: Stilistik, Estetik, Lagu Melayu Popular, Anugerah Industri Muzik (AIM), Anugerah Juara Lagu (AJL)

ABSTRACT

This study is associated with the Aesthetic Malay Popular Songs (AMPS) through the lyrics analysis. In this study, focusing on Malay popular songs in Malaysia. Popular Malay songs in the context of this study are the songs that is created by local employees, selected, recorded by popular singer and published by the record companies, distributed, sold and published for commercial purposes. The aim of this study to get answers about aspects of stilistic in lyrics Malay popular songs. 10 samples of 50 songs chosen are Malay popular songs that won prestigious awards in the Malaysia, organized by the broadcasters and the music industry, namely (1) Anugerah Industri Muzik Malaysia (AIM) and Anugerah Juara Lagu (AJL). This study used a qualitative approach. Contents analysis method was used to analyze data on the lyrics. The interview was conducted on songs

writer involved in the creation of lyrics and melodies of the selected word. To get valid and reliable data, method of triangulation by Denzin and Lincoln (2005) is used. Triangulation through lyrics analysis and interviews with creative persons as well as documents and other support. The framework of this study is to support the theory as a general theory of aesthetics and refined the theory of stylistics. Results showed that the resulting sound of the word art has a high aesthetic. Apart from the art style repetition of words and melody can also produce interesting sounds.

Keywords: Stylistic, Aesthetic, Malay Popular Song, Anugerah Industri Muzik (AIM), Anugerah Juara Lagu (AJL).

PENGENALAN

Estetik adalah satu keindahan. Setiap yang dipandang, dirasa, disentuh, didengar dan dihidu itu mempunyai sesuatu nilai yang tersendiri, samada indah atau sebaliknya. Hamidah Abdulhamid (1995) menyatakan bahawa estetik adalah membicarakan tentang keindahan. Lagu juga tidak terkecuali mempunyai nilai-nilai keindahan tersendiri. Mana mungkin sesebuah lagu yang menjadi tarikan pada masyarakatnya tidak mempunyai nilai keindahan. Apatah lagi lagu tersebut telah mendominasi industri muzik tanahair dan dianugerahkan lagu terbaik dalam sesebuah negara. Perkataan estetik merujuk kepada perkara indah mana kala estetika adalah satu pembicaraan berkaitan dengan keindahan.

Wadjiz Anwar (1980: 5) menyatakan bahawa perkataan estetika adalah berasal dari perkataan Yunani iaitu "Aesthesis" yang memberi erti perasaan atau sensitiviti. Estetik merupakan satu bidang kajian falsafah yang berkaitan dengan falsafah seni. Hamidah Abdulhamid (1995: 1) menyatakan estetik berasal daripada perkataan Yunani iaitu *aesthesis* yang bermaksud kepekaan. Ianya memberi tumpuan kepada hal-hal bersangkutan dengan ungkapan indah dan keindahan. Menurut

Hamidah lagi, istilah estetik mula diperkenalkan oleh Alexander Baumgarten (1714-1762) seorang ahli falsafah German. Ianya diperkembang dan diperkembangkan oleh George Friedrich Hegel (1770-1831). Selain dari Baumgarten dan Hegel, ahli falsafah yang lain menyumbang ilmu dalam bidang ini adalah Plato, Aristotle, DeWitt Parker, Plotinus, Thomas Aquinas, Jacques Maritain, Shaftesbury, Joshua Reynolds, Hutcheson, Immanuel Kant, Bosanquet, Croce, Schopenhauer, Nietzsche, Tolstoy, Lessing, Santayana, Edward Bullough, Dewey, Clive Bell, Freud, Roger Fry dan Susanne Langer. (Hamidah Abdulhamid, 1995: 2). Menurut Soroso dan Puji Santosa (2009: iii) estetik adalah ilmu tentang keindahan. Ianya satu cabang filsafat yang membahaskan tentang keindahan yang terkandung dalam sesebuah karya seni. Mereka beranggapan sesebuah karya seni terpancar nilai keindahan dengan penuh pesona, segar dan cemerlang seperti keindahan seni yang merangkai kata. Keindahan susunan bunyi-bunyi dalam kata-kata dalam karya sastera mampu menimbulkan irama yang merdu, nikmat didengar, merdu dan menarik dinyanyikan dan lancar diucapkan.

Nilai estetik mampu memberi hiburan, kepuasan, kenikmatan dan kebahagiaan batin ketika sesebuah karya didengarkan. Stolnitz (1960) pula menyatakan bidang estetik mementingkan penikmatan hasil karya yang indah, perluasan perasaan dan penghayatan. Penghayatan terhadap sesebuah karya seni lebih berkesan jika hanya memberi tumpuan pada keindahan karya tersebut. Sebagai contoh komposisi muzik perlu ada nota-nota dan skala-skala tertentu supaya membentuk sebuah lagu. Sabirin Ismail dan Istiyono (1983: 3-11) menyatakan estetik merupakan pengetahuan tentang keindahan mana kala estetika muzik pula adalah suatu pengetahuan teori tentang aspek keindahan muzik. Estetika dan estetika muzik sebagai salah satu disiplin pengetahuan manusia di bidang keindahan seni muzik dan keindahan alam yang hanya membahaskan objeknya iaitu indah dan keindahan dari sudut gejala-gejala persoalannya sahaja. Dalam karya seni muzik,

pengkarya akan menggunakan segala potensinya untuk menciptakan nilai-nilai artistik.

Scruton (1997: 392-437) menyatakan bahawa estetik muzikal adalah satu disiplin yang kritikal. Ia menggambarkan sifat dan had pemikiran kita terhadap muzik. Kritikan membolehkan kita membezakan analisis yang berkaitan dengan analisis yang tidak berkaitan dengan tepat. Lagu juga tidak terkecuali mempunyai nilai-nilai keindahan tersendiri. Mana mungkin sesebuah lagu yang menjadi tarikan pada masyarakatnya tidak mempunyai nilai keindahan. Apatah lagi lagu tersebut telah mendominasi industri muzik tanahair dan dianugerahkan lagu terbaik dalam sesebuah negara. Lagu-lagu ini pula disampaikan oleh ikon-ikon atau penyanyi yang dikenali ramai. Ini termasuklah lagu-lagu yang diangkat sebagai lagu terbaik dalam Anugerah Industri Muzik Malaysia (AJL).

Anugerah ini lebih dikenali dengan nama singkatannya AJL (akan digunakan singkatan ini). AJL mula diperkenalkan pada tahun 1986. Lagu Melayu popular dalam konteks kajian ini adalah lagu-lagu yang dicipta, dipilih, dirakam, dikomersialkan, diminati, disiarkan dan menjuarai beberapa anugerah berprestij di negara ini. Lagu ini ditulis seni katanya dalam bahasa Melayu dan dinyanyikan oleh penyanyi yang pelbagai bangsa. Lagu-lagu yang dipilih telahpun memenangi anugerah berprestij di negara ini iaitu Anugerah Juara Lagu (AJL) dan Anugerah Industri Muzik Malaysia (AIM).

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini adalah tertumpu kepada lagu-lagu Melayu popular sekitar tahun 1986 hingga sekarang. Lagu-lagu Melayu popular mempunyai pengaruh yang sangat kuat dalam jiwa masyarakat. Kemunculan stesen televisyen swasta seperti TV3 telah menyediakan pelantar untuk memberi ruang khas untuk pertandingan lagu-lagu yang dianggap popular untuk diangkat sebagai Juara Lagu pada setiap tahun mulai 1986

sehinggalah sekarang. Anugerah Industri Muzik Malaysia (AIM) telahpun diperkenalkan pada tahun 1994. Berbagai kategori dipertandingkan. Salah satunya yang paling berprestij adalah anugerah Lagu Terbaik. Oleh kerana itu sifat ingin tahu penyelidik terhadap kehebatan dan keindahan lagu-lagu terbaik Melayu yang dianugerah melalui Anugerah Juara lagu (AJL) dan Anugerah Industri Muzik Malaysia (AIM) antara penyebab penyelidik membuat penelitian terhadap subjek kajian ini khususnya melodi dan seni kata lagu.

Belum ada kajian yang mendalam terhadap estetika lagu-lagu tersebut. Oleh itu, kajian yang lebih mendalam perlu dilakukan untuk melihat aspek-aspek estetika dalam lagu Melayu popular sehingga mampu mendominasi industri muzik, media-media dan khalayak di negara kita. Pemilihan Juara Lagu dan Lagu Terbaik ini dibuat oleh juri-juri yang arif dan berpengalaman dalam bidang masing-masing. Pemilihan lagu-lagu yang terbaik ini sudah pasti mempunyai nilai estetik yang tinggi pada pandangan mereka secara kolektifnya.

Rookby (2004: 5) menyatakan melodi merupakan bahagian lagu yang boleh diingati samada disampaikan dalam nyanyian ataupun dimainkan menggunakan alat muzik. Gabungan melodi, irama dan seni kata dapat menjadikan sesebuah lagu itu lebih bermakna dan beremosi. Dhanaraj & Lagon (2005) menyatakan bahawa seni kata dianggap sebagai komponen yang sangat penting dalam menjanjikan sesebuah lagu itu menjadi *hit*. Wan Abdul Kadir (1988: 98) menyatakan perkembangan teknologi media piring hitam, filem radio dan televisyen menjadikan lagu-lagu Melayu menjadi semakin popular. Dalam pertumbuhan muzik komersial banyak berlakunya persaingan antara pengeluar-pengeluar album, penyanyi, kumpulan muzik, pencipta lagu, penulis seni kata dan stesyen-stesyen penyiaran baik radio mahupun televisyen. Selagi sebuah lagu itu dapat menarik peminat, selagi itulah lagu itu popular.

Davis (1985) menyatakan seni kata lagu bermaksud kata-kata yang disusun dan diguna pakai dalam nyanyian mempunyai seninya yang tersendiri sehingga diterima ramai. Dalam konteks lagu, teks yang dikenali sebagai seni kata bukannya puisi kerana lagu-lagu popular terbentuk melodi dahulu sebelum lirik. Dengan kata lain, seni kata terbentuk dari melodi lagu. Ia berbeza dengan lagu-lagu genre lain seperti lagu puisi yang didasari dengan puisi-puisi atau sajak yang telah dicipta oleh penulis. Seni kata lagu menjadi isi kepada rangka karyanya iaitu irama atau melodi lagu itu sendiri. Muzik itu sendiri membawa berbagai-bagai perasaan walaupun gambarannya tidak begitu ketara. Umpamanya dalam lagu yang menggunakan tanda nada minor, perasaan yang dibawanya adalah muram. Seni kata lagu menjadi isi kepada rangka karyanya iaitu irama atau melodi lagu itu sendiri (Lydon, 2004). Oleh itu kajian ini menjuruskan kepada penggunaan gaya bahasa dalam seni kata lagu Melayu popular yang telah memenangi anugerah berprestij negara kita iaitu Anugerah Juara Lagu (AJL) dan Anugerah Industri Muzik Malaysia (AIM).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah analisis kandungan iaitu kandungan terhadap teks yang dikenali sebagai seni kata lagu. Kaedah temu bual digunakan untuk mendapatkan data untuk menyokong dapatan dari analisis kandungan. Teknik analisis data bersifat deskriptif kualitatif-interpretatif teori stilistik. Suhardi Mukmin (2008) menyatakan analisis kandungan terhadap teks yang bertujuan untuk memahami karya yang dianalisis. Semua pendekatan dilakukan sebagai usaha merebut makna yang terkandung di dalam karya kreatif tersebut serta menikmati keindahannya.

Untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan data, kaedah triangulasi digunakan. Kaedah ini diadaptasikan daripada kaedah yang digunapakai oleh Denzin dan Lincoln

(2005) digunakan. Dapatan ditriangulasikan melalui analisis seni kata, temu bual dengan pengkarya-pengkarya dan dokumen-dokumen sokongan yang lain. Dalam kajian kualitatif terdapat beberapa cara yang boleh dilakukan untuk mendapat kesahan dan kebolehpercayaan sesuatu data. Denzin dan Lincoln (1994) menyatakan teknik triangulasi boleh memberi kesahan dan kebolehpercayaan terhadap data yang diperolehi. Sutopo (2002), setiap data yang diperolehi dalam penyelidikan harus mempunyai kemantapan dan kebenarannya.

Temu bual dijalankan secara terbuka dengan berpandukan skop soalan-soalan yang telah dirancang oleh penyelidik. Burns (1994: 360-362) kaedah ini lebih berstruktur, fiesibiliti, dan berhasil kerana dapat memberi maklumat balas, jawapan dan pendapat secara spontan dan tepat.

Lagu-lagu yang dikenalpasti dihayati secara analitikal bagi tujuan pengenalanpasti aspek-aspek irama melodinya dan seni katanya. Lagu-lagu ini dipindahkan dari bentuk audio ke skor melodi dalam bentuk notasi muzik yang standard bagi tujuan deskriptif. Perisian notasi muzik *Sibelius 7* digunakan bagi penyediaan skor melodi Notasi muzik standard. Walaupun menggunakan perisian *Sibelius 7*, penyelidik perlu menyalin dengan teliti apa yang didengar dari bentuk audio dan disalin semula ke dalam bentuk digital. Menurut Humberstone (2012) perisian *Sibelius 7* mampu menyalin nota-nota lagu ke dalam paparan, memainkan semula dengan aplikasi data MIDI, mengesport dalam pelbagai format termasuk imej pegun dan mencetak. Proses mentranskripsi lagu-lagu ini dari audio ke skor lagu notasi standard ini memerlukan ketelitian supaya melodi yang dilaksanakan itu tepat. Penilaian oleh pakar rujuk atau pakar bidang diperlukan untuk menentukan kesahihan. Jika transkripsi itu tidak mencapai ketepatan dari audio tersebut, maka proses transkripsi akan dilakukan semula. Dapatan dari ketepatan transkripsi melodi ini akan dibuat juga terhadap seni kata lagu tersebut.

Seterusnya, setelah pakar rujuk memberi komen yang positif, proses seterusnya adalah membuat penganalisaan kepada dua aspek utama iaitu (1) aspek melodi berdasarkan teori muzikologi dan (2) aspek seni kata berdasarkan teori stilistik. Herbert (2003: 78-79) memberi panduan berkaitan dengan kajian muzik yang melibatkan sumber dari audio, iaitu pengkaji perlu membuat transkripsi ke ilustrasi atau nota-nota yang standard untuk memudahkan proses penganalisaan.

Oleh itu, proses ini sangat penting supaya dapatan dari penganalisaan ini mendapat keputusan yang tepat dan difahami oleh pembaca. Dapatan dalam kajian ini merupakan tesis kepada kajian memberi fokus kepada estetik lagu popular Melayu dalam konteks lagu-lagu yang dianugerahkan lagu terbaik dalam Anugerah Industri Muzik (AIM) dan juara lagu dalam Anugerah Juara Lagu (AJL).

Sampel Kajian

Sampel yang dipilih untuk kajian ini merupakan lagu-lagu yang telah memenangi anugerah Lagu Terbaik dalam AJL dekad 80-an iaitu sejak diperkenalkan pada tahun 1986 hingga 1989. Sebanyak 4 lagu daripada 29 buah yang telah memenangi Anugerah Juara Lagu (AJL) sehingga 2014 akan digunakan dalam kajian ini. Sampel yang dipilih untuk kajian ini merupakan lagu-lagu yang telah memenangi anugerah Lagu Terbaik dalam AIM dekad 90-an iaitu sejak diperkenalkan pada tahun 1994 hingga 1999. Sebanyak 6 lagu akan digunakan dalam kajian ini. Lagu-lagu ini dinyanyikan oleh penyanyi-penyanyi tempatan dan menggunakan seni kata dalam bahasa Melayu. Lagu-lagu ini dinyanyikan oleh penyanyi-penyanyi tempatan dan menggunakan seni kata dalam bahasa Melayu. Lagu-lagu tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 1 menunjukkan senarai nama lagu, pencipta lagu, penulis senikata, penyanyi dan tahun Anugerah Juara Lagu (AJL)

Bil .	Nama Lagu	Pencipta Lagu	Penulis Seni Kata	Penyanyi	Tahun
1.	Sekadar Di Pinggiran	Manan Ngah	Lukhman S	Francesca Peter	1986
2.	Menaruh Harapan	A. Ali	Habsah Hassan	Zaiton Sameon	1987
3.	Kau Kunci Cintamu Dalam Hatiku	Ahmad Nawab	Juwie	Ramlah Ram	1988
4.	Isabella	M. Nasir	Bob Lokman	Search	1989

Jadual 2 menunjukkan senarai nama lagu, pencipta lagu, penulis senikata, penyanyi dan tahun Anugerah Industri Muzik Malaysia (AIM)

Bil .	Nama Lagu	Pencipta Lagu	Penulis Seni Kata	Penyanyi	Tahun
1.	Satu	Roslan Aziz	Nizam dan Zainal Abidin	S. M Salim dan Zainal Abidin	1994
2.	Mentera Semerah Padi	M. Nasir	M. Nasir	M. Nasir	1995
3.	Jentayu	Johan Nawawi	Usman Awang	Nora dan Sheila	1996

4.	Jerat Percintaan	Adnan Abu Hassan	Hani M. J. & Othman Zainuddin	Majid Siti Nurhaliza	1997
5.	Selamanya	Azlan Abu Hassan	Rizal & Cahaya Pena	Innuendo	1998
6.	Aku Cinta Aku Rindu	Ajai	Ajai & Nurul	Ajai dan Nurul	1999

DAPATAN KAJIAN

Untuk menganalisis seni kata lagu-lagu yang terpilih, teori stilistik oleh Keraf (2007) dijadikan sebagai landasan perbahasan. Keraf (2007) menyatakan stilistik adalah kajian terhadap gaya bahasa. Welck dan Warren (1989: 226) dalam Endraswara (2013: 75) menyatakan bahawa stilistik adalah bahagian ilmu sastera, dan akan menjadi bahagian penting kerana melalui kaedah ini akan muncul ciri-ciri khusus karya sastera termasuklah seni kata lagu. Pengkajian stilistik sememangnya mengungkap aspek-aspek estetik pembentukan keputihan karya sastera. Ianya satu ilmu untuk mempelajari gaya bahasa, (Endraswara, 2013: 72). Untuk menganalisis seni kata lagu, teori stilistik digunakan pakai. Kris Mas (1988: 8), Endraswara (2002), Keraf (2005), Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (2005: 1), Ermi Adriani (2009), Mana Sikana (2013: 149), Rahman Shaari (1993), Umar Junus (1989, 2007, 2009 dan 2010) dan Verdonk menyatakan bahawa stilistik adalah ilmu tentang gaya bahasa. Kaedah ini digunakan pakai dalam membuat penganalisisan kepada puisi dan sajak. Menurut Davis (2005) seni kata lagu bukannya puisi kerana seni kata lagu mempunyai keterikatan dengan melodi sedangkan puisi boleh berdiri sendiri. Walau bagaimanapun untuk menganalisis sesebuah seni kata lagu

boleh menggunakan elemen-elemen puisi atau teks yang lain. (Peterik et al, 2002).

Menurut Yasraf Amir Piliang (2004), bahasa puitis menghasilkan nilai estetik yang baru. Bahasa puitis ini mampu memberikan kesan kepada makna dalam bentuk radikal khasnya dari segi tata bahasa. Lydon (2004: 43) menyatakan bahawa seni kata sangat penting dalam sesebuah lagu bukan setakat aspek penceritaan dan makna tetapi unsur bunyinya. Leinkin (1994: 11-18) seni kata lagu mempunyai aspek muzikal dan corak pengulangan yang mampu menarik perhatian sehingga kata-kata yang digunakan menghasilkan sesuatu yang *klise* dan perlu dielakkan. Keraf (2009) pula memberi definisi stilistik itu adalah *style* atau gaya dapat diungkapkan sebagai cara untuk mengemukakan idea-idea karyawan melalui penggunaan bahasa dalam teks sehingga ianya menghasilkan sesuatu yang estetik yang tinggi.

Keraf (2007) menyenaraikan kategori gaya bahasa yang boleh dianalisis iaitu gaya bahasa perulangan dan gaya bahasa kiasan. Diksi-diksi yang terhasil dari sesebuah seni kata mampu menghasilkan bunyi yang menarik samada bunyi yang terhasil dari perulangan mahupun gaya bahasa kiasan. Pandangan oleh Atmazaki (1991) dan Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (2005) aspek gaya bahasa perbandingan merangkumi aspek simile, metafora, personifikasi, hiperbola, lambang, imejan, alusi, invensi, anofora, ironi, paradok dan epitoria mana kala perulangan unsur bunyi meliputi diksi rima akhir, asonansi dan aliterasi. Sesebuah seni kata lagu memainkan peranan yang penting pada bahagian motif lagu yang menarik. Ia dikenali sebagai '*hook*'. Di bahagian '*hook*' menurut Pattison (1999) pemilihan kata juga penting supaya lagu ini mudah dinyanyikan dan diingati. Stilistik dalam sesebuah lagu menurut Leikin (1990: 37) menggunakan gaya bahasa perbandingan simile dan metafora. Penggunaan simile dan metafora mampu mengelak klise dalam penulisan seni kata lagu.

Pandangan oleh Atmazaki (1991) aspek gaya bahasa perbandingan merangkumi aspek simile, metafora, personifikasi, hiperbola, lambang, imejan, alusi, invensi, anofora, ironi, paradok dan epitora mana kala perulangan unsur bunyi meliputi diksi rima akhir, asonansi dan aliterasi. Dalam penulisan seni kata lagu yang baik, perkara yang mustahak adalah mestilah unik, baru dan mengelakkan penggunaan bahasa yang klise, (Leikin, 1990: 22). Cope, (2009: 187-209) menerangkan dalam penulisan seni kata lagu, aspek-aspek gaya bahasa dititikberatkan seperti denotasi dan konotasi, sinonim, idiom, figuratif, trope, metafora, simile, personafikasi, metonimi dan sinekdok, pun, oksimoron, inverse, rima: asonasi, konsonan dan aliterasi, dan pengulangan: anafora, anadiplosis, epifora, kiamus dan antimetabola.

Menurut Rooksby (2006: 96-97) seni kata adalah kata-kata yang berkesan yang bergantung sepenuhnya kepada lagu. Ianya berbeza dengan puisi yang menyampaikan idea dan perasaan dengan perkataan sahaja tanpa bergantung kepada lagu. Seni kata dan puisi merupakan dua entiti seni yang berbeza. Gaya bahasa dalam puisi lebih kompleks untuk dilagukan. Puisi lebih mementingkan penggunaan tatabahasa, pengawalan sintak, intelektual dan kepekaan. Walaubagaimanapun banyak lagu-lagu popular diciptakan menerusi puisi. Dalam penulisan seni kata lagu yang baik, perkara yang mustahak adalah mestilah unik, baru dan mengelakkan penggunaan bahasa yang klise, (Leikin, 1990: 22).

Jenis-jenis lirik dalam sesebuah lagu adalah (1) konsep pemanduan, (2) seni kata penceritaan, (3) seni kata cinta, (4) seni kata fungsi semasa dan protes, (5) seni kata novelti dan lawak, (6) seni kata ejekan atau usik mengusik, dan (6) seni kata inspirasi dan spiritual (Peterik, et al, 2002: 66-78).

Lyric can make or break a great melody. But coming up with lyrics is often easier said than done. (Peterik, et al, 2002: 79).

Peterik, et al (2002: 86-92) memberi garis panduan berkaitan dengan gaya penulisan seni kata yang mempunyai beberapa bahagian iaitu (1) *verse*, (2) *pra-chorus*, (3) *chorus*, dan (4) *bridge*. Gaya pengulangan merupakan komponen penting dalam penulisan lirik dan penciptaan lagu. Ia boleh menghasilkan bunyi yang menarik. Pengulangan perkataan dan melodi samada dalam form lagu seperti *verse* dan *chorus* mampu memberi penekanan kepada telinga pendengar.

A strong chorus can benefit by multiple repetitions in the song, or by being repeated over and over at the end of the song. (Ibid, 2002: 98).

Ibid (2002: 99-101) penggunaan gaya bahasa dalam lirik lagu sama seperti dalam penulisan puisi. Antaranya adalah (1) rima, (2) aliterasi, (3) imageri, (4) personifikasi, (5) simile, (6) metafora, (7) assonasi, (8) konsonan, dan (9) anafora.

“Words expressing a writer’s strong and spontaneous feelings in a poem or a song.” The truth is that the principle of poetry applies to lyrics a well. Lyric must to fit the form of the popular song. Factors such a song form, rhyme, rhythm, song length, and singability all come into play. (Ibid: 98)

Sesebuah seni kata lagu memainkan peranan yang penting pada bahagian motif lagu yang menarik. Ia dikenali sebagai *‘hook’*. Di bahagian *‘hook’* menurut Pattison (1999) pemilihan kata juga penting supaya lagu ini mudah dinyanyikan dan diingati. Carter (1997: 24) menyatakan bahawa beberapa idea lagu wujud dari ilham oleh pengalaman peribadi yang sensitif terhadap satu-satu permasalahan. Carter (1997: 37) menulis bahawa perkataan

pertama dalam ayat pertama dalam sesebuah seni kata boleh dijadikan tajuk lagu. Ching, C. S. C. (2012) menyatakan banyak lagu-lagu ciptaan P. Ramlee yang seni katanya ditulis oleh S. Sudarmaji menggunakan perkataan pertama dalam seni kata digunakan sebagai tajuk lagu. Cuba lihat lagu “Tunggu Sekejap”, “Getaran Jiwa”, dan sebagainya.

Gaya bahasa perulangan merupakan gaya bahasa menimbul kesan kepada psikologi. Kesan ingatan yang dianggap sebagai *sub-liminal* ataupun tergiang-ngiang atau terbisik-bisik. Gaya perulangan ini menurut Keraf (2007) adalah perulangan bunyi, suku kata, kata atau bagian kalimat yang dianggap penting untuk memberi tekanan dalam sebuah konteks yang sesuai. Ada 8 jenis perulangan yang digariskan oleh Keraf iaitu (1) Epizeuksis, (2) Tautotes, (3) Anafora, (4) Epistrofora, (5) Simplek, (6) Mesodiplosis, (7) Epanalepsis, dan (8) Anadiplosis. **Anafora** boleh dilihat dalam seni kata lagu “Jentayu” (Usman Awang & Johan Nawawi, 1996) pada awal setiap frasa.

Jentayu Patah sayap bertongkat paruh
Jentayu Patah paruh bertongkat siku
Jentayu Patah siku bertongkat dagu
Jentayu Patah dagu bertongkat kuku
Pinjamkanlah hatimu untuk semua
Pinjamkanlah syahdumu

Gaya bahasa seperti ini juga boleh dilihat dalam frasa-frasa lagu “Aku Cinta Aku Rindu” (Ajai & Nurul, 1999).

Aku cinta
Aku rindu
Walau berjauhan
Kutahu hatimu
Aku cinta

Aku rindu
Tuhan berkatilah
cintaku padanya...

Anafora boleh dilihat dalam seni kata lagu “Sekadar Di Pinggiran” (Lukhman S. & Manan Ngah, 1986) pada awal setiap frasa pada rangkap ketiga. Perulangan kata *hati* di awal frasa.

Hati sedih
Hati pedih
Mengenangkan keindahan

Perulangan kata pertama pada awal frasa juga boleh dilihat pada lagu “Kau Kunci Cintaku Dalam hatimu” (Juwie & Ahmad Nawab, 1988) dalam rangkap pertama dan kedua.

Bila sendirian terbayang wajahmu
Bila kerinduan terasa cintamu
Bila keresahan inginku dibelai
Sepenuh kasih dan sayang...

Bila ku terluka terseksama hati
Bila kau tiada kusetia menanti
Pernah kumencuba lupakan dirimu
Tapiku tak daya menanggung rindu

Gaya bahasa pengulangan mesodiplosis juga terdapat dalam seni kata “Jentayu” (Usman Awang & Johan Nawawi, 1996). Ianya berada di tengah frasa.

Jentayu Patah sayap bertongkat paruh
Jentayu Patah paruh bertongkat siku
Jentayu Patah siku bertongkat dagu
Jentayu Patah dagu bertongkat kuku

Simpleke boleh didapati dalam lagu “Mentera Semerah Padi” (M. Nasir, 995). Lihat kalimat-kalimat di bawah ini:

Mentera semerah padi
Mentera semerah padi
Mentera semerah padi
Mentera semerah padi
Mentera semerah padi

Gaya bahasa pengucapan dan diksi banyak digunakan dalam seni kata lagu. Menurut Keraf (2007), gaya bahasa pengucapan yang mengutamakan diksi juga dikenali sebagai gaya bahasa retorik. Gaya-gaya bahasa tersebut adalah (1) aliterasi, (2) asonansi, (3) anastrof, (4) apofasis atau prererisio, (5) apostrof, (6) asyndeton, (7) polisindeton, (8) kiasmus, (9) ellipsis, (10) eufemismus, (11) litoses, (12) historen proteron, (13) pleonasme dan tautologi, (14) periphrasis, (15) prolepsis atau antisipasi, (16) erotesis, (17) silepsis dan zeugma, (18) koreksio atau epanortosis, (19) hiperbola, (20) paradoks, dan (21) oksimoron. Bukannya semua gaya bahasa ini digunakan dalam sesebuah seni kata.

Anastrof juga dikenali sebagai invensi. Kata-kata yang diterbalikkan tetapi mempunyai makna yang sama. Lihat dalam lagu “Jerat Percintaan” (Hani M. J., Othman Zainuddin & Adnan Abu Hassan, 1997).

Dalam pertemuan ini
Kita terperangkap sudah **sepatutnya** Kita
sudah terperangkap
Dalam jerat percintaan
Yang tidak disangkakan

Gaya ini juga terdapat dalam lagu “Aku Cinta Aku Rindu” (Ajai & Nurul, 1999). Sila lihat kalimat ini:

Metafora

Metafora adalah gaya Bahasa perbandingan atau persamaan yang dipindahkan kepada makna lain (Umar Junus, 1989: 227-228) mana kala Rahman Shaari (1993:1) memberi definisi metafora adalah Bahasa kiasan yang menyatakan sesuatu dengan mengantikan perkataan yang lain.

Contoh di dalam seni kata lagu “Menaruh Harapan” (Habsah Hassan & A. Ali (1987) di bawah ini:

Ku menghimpun doa bertahun
Mencari pepohon yang rimbun
Bertemu dahan yang rapuh
Tempat ku berteduh

Simile

Corbett dan Connors (1999: 396) menyatakan simile adalah perbandingan antara dua objek yang tidak sama untuk menyatakan satu persamaan. Simile boleh dilihat dalam lagu “Menaruh Harapan” (Habsah Hassan & A. Ali (1987) pada rangkap di bawah ini:

Susah senang diriku
Tak bertempat mengadu
Seperti burung kepatahan sayap
Di hati kecil ku menaruh harapan

Simile boleh dilihat dalam lagu “Mentera Semerah Padi” (M. Nasir, 1995) pada seni kata di bawah ini.

Agar aku bisa berdiri
Tegap dan segak
Bagaikan laksamana Melayu

Sinetdok

Keraf (2007) menyatakan sinekdoke adalah suatu istilah yang diturunkan dari kata Yunani *synekdechesthai* yang berarti *menerima bersama-sama*. Sinekdoke adalah semacam bahasa figurative yang mempergunakan *sebagian* dari sesuatu hal untuk menyatakan keseluruhan (*pars pro toto*) atau mempergunakan keseluruhan sebagian (*totum pro parte*). Di bawah ini adalah sebahagian seni kata lagu “Menaruh Harapan” (Habsah Hassan & A. Ali (1987) yang mengandung gaya bahasa sinetdok.

Tiada guna kau berpatah arah
Jika niatmu menyambung kasih
Apalah ertinya di sebalik
Tangisan atau rintihan

Hati sedih
Hati pedih
Mengenangkan keindahan
Bersamamu
Tidak kusampai
Ke puncak sana
Apalah daya
Ku bertahan cuma di pinggiran
Yang memilukan...

Personifikasi

Personifikasi atau *prosopopoeia* adalah semacam gaya bahasa kiasan yang menggambarkan benda-benda mati atau barang-barang yang tidak bernyawa seolah-olah memiliki sifat-sifat kemanusiaan. Personifikasi (penginsanan) merupakan satu corak khusus dari metafora, ang mengiaskan benda-benda mati bertindak, berbuat, berbicara seperti manusia (Keraf,

2007).Cuba perhatikan seni kata lagu “Kau Kunci Cintamu Dalam Hatiku” (Juwie & Ahmad Nawab, 1988)di bawah ini:

Sukarnya untukku berpisah denganmu
Kau kunci cintaku didalam hatimu
Meronta hatiku menangis kernamu
Kau kunci cintaku di dalam hatimu

Gaya Bahasa personifikasi dalam seni kata lagu “Isabela” (Bob Lokman & M. Nasir, 1989).. Lihat sebahagian seni kata lagu tersebut di bawah ini:

Isabella adalah
Kisah cinta dua dunia
Mengapa kita berjumpa
Namun akhirnya terpisah
Siang jadi hilang
Ditelan kegelapan malam
Alam yang terpisah
Melenyapkan sebuah kisah...

Dia Isabella
Lambang cinta yang lara
Tepisah kerana
Adat yang berbeza
Cinta gugur bersama
Daun daun kekeringan...

Gaya bahasa personifikasi terdapat dalam seni kata lagu “Menaruh Harapan” (Habsah Hassan & A. Ali (1987) menerusi sebahagian seni kata yang ditunjukkan di bawah ini.

Ku menghimpun doa bertahun
Mencari pepohon yang rimbun
Bertemu dahan yang rapuh
Tempat ku berteduh

Hiperbola

Menurut Umar Junus (1989: 221) hiperbola adalah menyatakan sesuatu perkara dengan cara yang melampau-lampau ataupun ekstrim. Keraf (2007) pula menyatakan hiperbola adalah satu perlambangan yang melebihi-lebih. Cuba lihat dalam seni kata lagu “Menaruh Harapan” (Habsah Hassan & A. Ali (1987) di bawah ini.

Ku menghimpun doa bertahun
Mencari pepohon yang rimbun
Bertemu dahan yang rapuh
Tempat ku berteduh

Sinkof

Menurut Rahman Shaari (1993) sinkof adalah menggugurkan sukukata di depan. Antara enam lagu yang dianalisis, banyak penggunaan gaya bahasa sinkof. Contoh dalam lagu “Aku Cinta Aku Rindu” dan “Selamanya” menggunakan perkataan berikut:

Pabila sepatutnya Apabila: menggugurkan Sukukata a.

Kebanyakan seni kata lagu menggunakan perkataan //ku// dengan menggugurkan suku kata //a//, yang sepatutnya menggunakan perkataan //Aku//. Ini boleh dikenalpasti dalam seni kata lagu “Satu”, “Mentera Semerah Padi”, “Aku Cinta Aku Rindu” dan “Selamanya”. Dalam puisi “Jentayu” yang diangkat menjadi seni kata lagu juga menggunakan gaya bahasa sinkof iaitu pengguguran suku kata hadapan //ka// dari perkataan lengkap //kamu//. Yang digunakan adalah //mu// sahaja. //Mu// adalah merujuk kepada “Jentayu” iaitu seekor burung. Dalam lagu “Aku Cinta Aku Rindu”, sinkof juga terkandung pada seni kata berikut:

Tak Dapatku Membayangkan [sepatutnya Tidak]
Rasa Rindu Dalam Jiwa
Kita Sama Sama Rasa

Perkataan //kan// digunakan menggantikan //akan// terkandung dalam lagu “Selamanya” (Azlan Abu Hassan, Rizal & Cahaya Pena, 1998).

Hingga akhir hayatku
Pastikan bersama
[sepatutnya Pasti akan]

Sebagai contoh dalam lagu “Sekadar Di Pinggiran” (Lukhman S & Manan Ngah (1986) menggunakan perkataan berikut:

Tiada guna kau berpatah arah
[sepatutnya engkau]
Jika niatmu menyambung kasih [sepatutnya
kamu]
Apalah ertinya di sebalik
Tangisan atau rintihan

Untuk apa kau kembali lagi [sepatutnya engkau]
Sekadar hanya untuk menyakiti
Cukuplah sudah di sini saja
Biar aku pendam duka

Hati sedih
Hati pedih
Mengenangkan keindahan
Bersamamu [sepatutnya kamu]
Tidak kusampai
Ke puncak sana
Apalah daya
Ku bertahan cuma di pinggiran [sepatutnya aku]
Yang memilukan...

Jauh sekali di sudut hati
Menyimpan dendam yang amat mendalam
Akan kusahut namamu oh sayang
[sepatutnya aku]
Sewaktu ku kesunyian
[sepatutnya aku]

Leikin (1990: 41) menyatakan rima dalam sesebuah seni kata boleh menghasilkan kohesif (*cohesive*) dan boleh mengajak menyanyi bersama-sama. Perulangan rima yang sama memudahkan pendengar mengingat dan sedap didengar. Seni kata lagu “Sekadar Di Pinggiran” (Lukhman S & Manan Ngah (1986) kurang menggunakan rima yang sama pada hujung frasanya. Walau bagaimanapun ada beberapa bahagian seni kata ini menggunakan rima yang sama di akhir frasa yang menimbulkan kesan bunyi yang menarik. Cuba perhatikan di bawah.

Tiada guna kau berpatah arah
[rima konsonan ‘h’]
Jika niatmu menyambung kasih [rima
konsonan ‘h’]
.....
.....

Untuk apa kau kembali lagi [rima vokal ‘i’]
Sekadar hanya untuk menyakiti [rima vokal ‘i’]
Cukuplah sudah di sini saja [rima vokal ‘a’]
Biar aku pendam duka [rima vokal ‘a’]

Hati sedih [rima konsonan ‘h’]
hati pedih [rima konsonan ‘h’]
Mengenangkan keindahan
Bersamamu

Tidak kusampai	
Ke puncak sana <u>a</u>	[rima vokal 'a']
Apalah daya <u>a</u>	[rima vokal 'a']
Ku bertahan cuma <u>a</u>	[rima vokal 'a']
.....	
.....	

Cuba lihat rima yang digunakan dalam seni kata lagu “Menaruh Harapan” (Habsah Hassan & A. Ali, 1987) di bawah ini:

Sepanjang perjalanan ini <u>i</u>	[rima vokal 'i']
Lembah dan lurah kulewati <u>i</u>	[rima vokal 'i']
Ketenangan yang kucari <u>i</u>	[rima vokal 'i']
Belum kutemu <u>i</u>	[rima vokal 'i']
Ku menghimpun doa bertahu <u>n</u>	[rima konsonan 'n']
Mencari pepohon yang rimbu <u>n</u>	[rima konsonan 'n']
Bertemu dahan yang rapu <u>h</u>	[rima konsonan 'h']
Tempat ku bertedu <u>h</u>	[rima konsonan 'h']
Dulu aku sendir <u>i</u>	[rima vokal 'i']
Kini masih sendir <u>i</u>	[rima vokal 'i']
Hadapi hidup ini <u>i</u>	[rima vokal 'i']
Susah senang diriku <u>u</u>	[rima vokal 'u']
Tak bertempat mengadu <u>u</u>	[rima vokal 'u']
Seperti burung kepatahan sayap	
Di hati kecil ku menaruh harapan	
Selagi lagi hidup belum sudah <u>h</u>	[rima konsonan 'h']
Aku akan terus melangkah <u>h</u>	[rima konsonan 'h']
Kuyakin rahmat buatku <u>u</u>	[rima vokal 'u']

Di hadapan menunggu [rima vokal 'u']

Pengulangan rima yang sama juga boleh dilihat dalam lagu “Kau Kunci Cintaku Dalam hatimu” (Juwie & Ahmad Nawab, 1988) pada rangkap ketiga dan sebahagian rangkap keempat.

Sukarnya untukku berpisah denganmu [rima vokal 'u']

Kau kunci cintaku didalam hatimu [rima vokal 'u']

Meronta hatiku menangis kernamu [rima vokal 'u']

Kau kunci cintaku didalam hatimu [rima vokal 'u']

Sehingga kulemas bila kau tiada di sisiku [rima vokal 'u']

Bawalah daku bersama denganmu [rima vokal 'u']

.....

Penggunaan rima yang sama juga terdapat dalam lagu “Isabela” (Bob Lokman & M. Nasir, 1989). Cuba perhatikan pada rangkap ketiga.

Dia Isabella [rima vokal 'a']

Lambang cinta yang lara [rima vokal 'a']

Terpisah kerana [rima vokal 'a']

Adat yang berbeza [rima vokal 'a']

Cinta gugur bersama [rima vokal 'a']

.....

RUMUSAN

Estetika sesebuah lagu popular adalah berkaitan dengan keindahan dalam sesebuah karya kreatif. Keindahan itu sesuatu yang meninggalkan kesan mendalam kepada psikologi manusia melalui nyanyian melodi lagu dan kehalusan kata-katanya. Ianya mempunyai intipati dan keseimbangan mempunyai kuasa

magisnya tersendiri untuk menakluki minda dan jiwa khalayaknya. Pemilihan kata dan diksi akan menentukan setiap bunyi yang dilontarkan oleh penyanyi. Setiap pic yang dinyanyikan mempunyai peranan tersendiri dalam penghasilan seni kata. Penggunaan rima diakhir setiap frasa lagu menghasilkan bunyi yang menarik perhatian pendengar. Gaya bahasa perulangan dan retorik misalnya boleh menghasilkan kesan bunyi pada sesebuah lagu. Setiap kata yang diulang-ulang itu juga bergantung kepada pengulangan pada bahagian melodinya. Gaya bahasa kiasan mampu memberi impak kepada pendengar dalam pertimbangan makna berdasarkan pengalaman diri masing-masing. Pertalian antara melodi dan seni kata lagu sangat ketara dalam frasa, sub-frasa, rima dan pic, pengulangan melodi dan seni katanya pada yang akan membentuk bahagian 'hook' dan kelajuan sesebuah lagu dengan tema/intipati seni katanya.

RUJUKAN

- Atmazaki (1993). *Analisis sajak: Metodologi dan aplikasi*. Bandung: Penerbit Angkasa.
- Ching, C. S. C. (2012). P. Ramlee's music: An expression of local identity in Malaya during the mid-twentieth century. *Malaysia Music Journal*, Vol. 1, num. 1. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Corbett, P. J. Edward & Connor, R. J. (1999). *Classical rhetoric for the modern student*. 4th Edition. New York: Oxford University Press.
- Davis, S (1988). *Successful lyric writing*. Cincinnati, Ohio: Writer's Digest Book.
- Davis, S. (1992). *The song writers idea book*. Ohio: Writer's Digest Books.
- Endraswara, S. (2013). *Metodologi penelitian sastra: epistemologi, model, teori dan aplikasi*. Jakarta: P. T. Buku Seru.

- Hamidah Abdulhamid (1995). *Penghantar estetik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Humberstone, J. (2012). *Sibelius 7 music notation essentials*. Boston, MA: Cengage Learning.
- Keraf, G. (2005). *Diksi dan gaya bahasa*. Cetakan ke-5. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Umum.
- Keraf, G. (2007). *Diksi dan gaya bahasa*. Cetakan ke-17. Jakarta: Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Umum.
- Leikin, M. (1990). *How to make a good song a hit song*. Milwaukee, Wisconsin: Hal Leonard Corporation.
- Lydon, M. (2004). *Songwriting success: How to write songs for fun and (maybe) profit*. London: Routledge.
- Maniyamin Ibrahim (2006). *Gaya bahasa kiasan: penggunaan dan keberkesannya dalam sajak*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Mohd Azam Sulong (2014). Prosiding *International Music and Performance Arts Conference 2014 (IMPAC14)*. Stilistik lagu-lagu popular melayu: satu analisis melodi dan seni kata lagu popular Melayu Malaysia, Indonesia dan Singapura. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Naffi Mat (2006). *Glosari pengajian Melayu*. Shah Alam: Cerdik Publication Sdn. Bhd.
- Nik Hassan Basri Nik Abdul Kadir (2005). *Stilistik Komsas*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Pattison, P. (1991). *Managing lyric structure*. Boston: Berklee Press.
- Peterik, J., Austin, D. & Bickford, M. E. (2002). *Songwriting forummies*. New York: Wiley Publishing, Inc.
- Rahman Shaari (1993). *Memahami gaya bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahman Shaari (1993). *Lukisan zaman*. (Penyelenggara). Cetakan ke-3. Shah Alam: Marwilis Publisher & Distributors Sdn. Bhd.

- Rookby, R. (2004). *Melody: How to write great tunes*. San Francisco: Backbeat books.
- Rooksby, R. (2006). *Lyrics writing better words for your song*. San Francisco, CA: A Backbeat Book.
- Sabirin Ismail & Ostiyono (1983). *Estetika musik*. Jakarta: Department Pendidikan dan Kebudayaan.
- Soediro Satoto (1995). *Stilistika*. Surakarta: STSI Press.
- Soroso & Puji Santosa (2009). *Estetika: sastra, sastrawan & negara*. Yogyakarta: Pararaton Publishing.
- Suardi Endraswara (2002). *Metodologi penelitian sastra: epistemology, model, teori dan aplikasi*. Yogyakarta: Center for Academic Publishing Service.
- Umar Junus (2009). *Stilistik satu penghantar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Umar Junus (2010). *Gaya bahasa sastra Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rookby, R. (2004). *Melody: How to write great tunes*. San Francisco: Backbeat books.
- Verdonk, P.(2002).*Stylistics*. Oxford:Oxford, University Press.
- Wadjiz Anwar (1980). *Filsafat estetika sebuah penghantar*. Yogyakarta: C. V. Nurcahaya.
- Zollo, P. (1993). *Beginning songwriter's answer book*. Hollywood, CA: Writer's Digest Book.